

GARIS PANDUAN MEMOHON POTONGAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 KE ATAS SUMBANGAN WANG TUNAI ATAU PEMBIAYAAN BAGI PROJEK PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Tujuan

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung kriteria dan prosedur am permohonan potongan cukai di bawah perenggan 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 kepada entiti yang menyumbang atau membiayai projek tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility* - CSR) berkaitan penanaman pokok atau program kesedaran, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang perlu disahkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) selaku agensi pengesah.

Latar belakang

Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 telah dilancarkan pada 5 Januari 2021 yang bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup.

Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif dalam memberi sumbangan wang tunai atau pembiayaan melalui projek CSR, Kerajaan telah membenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun yang sama dengan perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan perkhidmatan tersebut oleh Menteri Kewangan.

Kriteria Kelayakan Permohonan

Bagi tujuan perenggan 34(6)(h) ACP 1967, **sumbangan secara wang tunai atau pembiayaan** melalui projek CSR yang layak hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Program atau aktiviti CSR berkaitan penanaman pokok yang melibatkan orang awam dan dijalankan bersama FRIM sama ada di kampus utama FRIM, Kepong; Taman Botani Kepong atau Stesen Penyelidikan FRIM (**Lampiran I**); atau
- ii. Projek jangka masa pendek (maksimum 12 bulan) seperti aktiviti/projek/kempen/bengkel/seminar/persidangan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, hutan dan biodiversiti yang dilaksanakan dengan kerjasama FRIM.

DILULUSKAN PADA : 15 APRIL 2024

Bentuk Sumbangan yang Layak Mendapat Potongan

- i. Wang tunai; atau
- ii. Pembiayaan aktiviti/projek/kempen/bengkel/seminar/persidangan

Pihak yang Layak Memohon Potongan

Syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]

Pihak yang Layak Disalurkan Sumbangan dan Pengesahan Sumbangan

Sumbangan hendaklah disalurkan kepada FRIM sahaja. Penyumbang hendaklah mendapat resit rasmi atau surat akuterima beserta nilai dari agensi pengesah (FRIM) lengkap dengan cop rasmi seperti di **Lampiran II**.

Prosedur Am Permohonan

- i. Penyumbang hendaklah memohon kelulusan mendapatkan potongan daripada Menteri Kewangan secara bertulis dengan mengemukakan maklumat berdasarkan format di **Lampiran III**;
- ii. Carta alir proses permohonan adalah seperti di **Lampiran IV**; dan
- iii. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA**

Tarikh Kuatkuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai **1 Januari 2024** hingga **31 Disember 2026**.

DILULUSKAN PADA : 15 APRIL 2024

LAMPIRAN I

SENARAI STESEN PENYELIDIKAN FRIM (SPF)

1. SPF Pasoh, Negeri Sembilan
2. SPF Mata Ayer, Perlis
3. SPF Bidor, Perak
4. SPF Gua Tempurung, Perak
5. SPF Segamat, Johor
6. SPF Jengka, Pahang
7. SPF Setiu, Terengganu
8. SPF Maran, Pahang
9. SPF Jeli, Kelantan
10. SPF Selandar, Melaka

DILULUSKAN PADA : 15 APRIL 2024

LAMPIRAN II

Kepala Surat Agensi Pengesah (Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, FRIM)

No. Rujukan:

Tarikh:

Kepada:

YB Menteri Kewangan

Surat Akuterima Wang Tunai / Pembiayaan Melalui Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility* - CSR)

Saya.....No. Kad Pengenalan
.....berjawatan
mengesahkan bahawa telah
memberi wang tunai atau pembiayaan bagi projek CSR yang dijalankan bersama Institut
Penyelidikan Perhutanan Malaysia pada bernilai RM
.....

2. Wang Tunai / Pembiayaan ini adalah bagi projek CSR:

- (i) Nama projek :
.....
(ii) Lokasi projek :

3. Saya mengesahkan bahawa projek tersebut telahpun siap sepenuhnya.

Sekian.

.....
Nama:

Cop rasmi jabatan:


b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia

LAMPIRAN III

PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN POTONGAN CUKAI BAGI SUMBANGAN WANG TUNAI ATAU PEMBIAYAAN KEPADA PROJEK PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DI BAWAH PERENGGAN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Butir-butir Pemohon:

- (i) Nama :
- (ii) Alamat :
.....
- (iii) Telefon:
- (iv) E-mel :

Butir-butir sumbangan

- (i) Tarikh sumbangan :
- (ii) Nama Agensi/Badan Penerima:
☐ Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- (iii) Projek CSR:
☐ Program atau aktiviti CSR berkaitan penanaman pokok; atau
☐ Projek jangka masa pendek (maksimum 12 bulan) seperti aktiviti/projek/kempen/bengkel/seminar/persidangan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, hutan dan biodiversiti.
- (iii) Keterangan Projek (sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi):
.....
.....
.....
- (iv) Tarikh projek siap:
- (v) Nilai wang tunai/ pembiayaan: RM.....


Akuan Pemohon

Saya mengaku bahawa segala maklumat/dokumen yang dikemukakan dalam borang ini adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diberi adalah palsu, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik.

Tandatangan Pemohon :
Jawatan :
Tarikh :
Cop rasmi :

LAMPIRAN IV

CARTA ALIR: PROSES PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967 KE ATAS SUMBANGAN BAGI PROJEK PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR



DILULUSKAN PADA : 15 APRIL 2024

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI POTONGAN CUKAI DI BAWAH PERENGGAN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 KE ATAS SUMBANGAN BAGI PROJEK PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

NO.	PERKARA	SILA TANDA (✓)
1.	Salinan surat Akuterima Wang Tunai/ Pembiayaan Melalui Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (<i>Corporate Social Responsibility - CSR</i>) (Lampiran II)	
2.	Salinan resit rasmi FRIM	
3.	Borang permohonan untuk mendapat kelulusan potongan cukai bagi wang tunai atau pembiayaan kepada projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di bawah perenggan 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Lampiran III)	